



FAKULTI ALAM BINA
Faculty of Built Environment

**PELAN TINDAKAN KECEMASAN BAGI KES
KEBAKARAN
(*EMERGENCY RESPONSE PLAN FOR FIRE
CASE – ERP*)
FAKULTI ALAM BINA
UNIVERSITI MALAYA**

KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN.....	3
2. SKOP.....	3
3. OBJEKTIF.....	3
4. ORGANISASI KECEMASAN	3
5. TANGGUNGJAWAB SEMASA KECEMASAN	4
6. PROSEDUR PENGUNGSIAN BANGUNAN DAN TINDAKAN MENYELAMAT UMUM..	8
7. PEMBERITAHUAN KECEMASAN.....	9
8. PELAN LAYOUT BANGUNAN.....	10
9. PELAN LALUAN KECEMASAN	10
10. PENUTUP	17
11. PENGESAHAN	17
LAMPIRAN 1	18

1. PENDAHULUAN

Bersesuaian dengan Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara (Arahan 20 MKN) bagi menghadapi atau mengawal kecemasan atau krisis berlaku serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 615, OSH 1994) Occupational Safety and Health Act 1994, sesebuah organisasi perlu menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat.

Bagi memenuhi akta OSH, Fakulti Alam Bina (FAB), Universiti Malaya (UM) membangunkan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) ini sebagai dokumen yang dirujuk supaya sedia digunakan semasa menghadapi kecemasan terutamanya kes kebakaran.

Penyediaan ERP adalah penting supaya situasi kecemasan di PTj dapat dikawal dan dikendalikan dengan sebaik mungkin dan teratur. Pelan Tindakan Kecemasan yang disediakan ini adalah akan mengawal semua jenis kecemasan yang mungkin dikawal oleh FAB. Dalam pada itu jika berlaku kecemasan yang tidak dapat mengawal dengan berkesan maka agensi luar yang mempunyai kepakaran dan keupayaan masing-masing akan dilibatkan seperti Klinik Kesihatan UM, Bahagian Keselamatan Universiti Malaya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan seumpamanya.

2. SKOP

ERP ini diterima pakai kepada semua staf, pelajar, pelawat, individu, bangunan, premis PTj serta semua pihak yang berada di bawah pengurusan PTj atau kawalan UM sama ada kebakaran tersebut berlaku semasa atau selepas waktu pejabat.

Dokumen ini merangkumi tindakan-tindakan yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas kebakaran yang berlaku di dalam kawasan PTj iaitu Fakulti Alam Bina (FAB)

3. OBJEKTIF

- (1) Mewujudkan struktur organisasi tindakan kecemasan yang berkesan bagi mengawal dan mengekang suasana kecemasan yang berlaku.
- (2) Menyediakan prosedur sewaktu kecemasan bagi mengurangkan kesan kecederaan, kerosakan harta benda dan alam sekitar.
- (3) Memastikan mangsa yang terancam diselamatkan dan tercedera dirawat.
- (4) Mewujudkan sistem perhubungan sewaktu kecemasan yang berkesan dengan pihak yang terlibat dan agensi kecemasan luar.
- (5) Memelihara maklumat-maklumat dan rekod untuk penyiasatan.
- (6) Memulih dan mengembalikan suasana kecemasan kepada sediakala bagi membolehkan penghuni memasuki dan menggunakan semula premis.

4. ORGANISASI KECEMASAN

Secara keseluruhannya organisasi ERP FAB adalah di bawah kawalan Dekan selaku Ketua PTj manakala bagi kampus adalah di bawah kawalan Naib Canselor sebagai Ketua Organisasi. Ketua PTj bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ERP pada peringkat PTj masing-masing. Tanggungjawab ini termasuklah merangka ERP yang terperinci pada peringkat PTj, melantik petugas-petugas, menyediakan latihan dan

peralatan-peralatan kecemasan yang mencukupi bagi kegunaan petugas-petugas semasa kecemasan.

Pusat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHEC) yang ditubuhkan adalah mengikut kehendak Akta KKP 94' adalah berfungsi untuk membantu Naib Canselor membangunkan ERP dan memastikan ia dilaksanakan dengan berkesan. Manakala Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) yang ditubuhkan di PTj merupakan sekretariat kepada PTj dan bertanggungjawab mengkoordinasi persiapan, pelaksanaan dan penilaian kesediaan ERP yang dibangunkan termasuk latihan, peralatan, prosedur, dan seumpamanya bagi memastikan ERP dilaksanakan dengan berkesan semasa kecemasan.

Struktur organisasi Pasukan Tindakan Kecemasan FAB adalah seperti di **Lampiran 1**. Pasukan Tindakan Kecemasan diketuai oleh Pengurus/Komander Kecemasan dan dibantu oleh ahli pasukan yang terdiri dari Pencatat Kejadian, Pegawai Pengungsian, Pegawai insiden dan pegawai keselamatan yang dibantu oleh pasukan masing-masing seperti di Rajah 1.

5. TANGGUNGJAWAB SEMASA KECEMASAN

(1) Ketua PTj

Ketua PTj adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ERP pada peringkat PTj masing-masing. Tanggungjawab ini termasuk merangka ERP yang terperinci pada peringkat PTj, melantik petugas-petugas, menyediakan latihan-latihan dan peralatan-peralatan kecemasan yang mencukupi bagi kegunaan petugas-petugas semasa kecemasan. Ketua PTj juga bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan penghuni-penghuni bangunannya semasa kecemasan, termasuk sewaktu pengungsian bangunan sehingga operasi tersebut diambil alih oleh Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT), Bahagian Keselamatan atau pasukan kecemasan luar (**Lampiran 1**). Setiap Ketua PTj adalah bertanggungjawab terus kepada Naib Canselor atau wakil dalam hal-hal yang berkaitan dengan ERP di PTj masing-masing.

(2) Komander Kecemasan

Komander Kecemasan bertanggungjawab untuk bergerak ke lokasi kejadian lengkap dengan pengenalan diri, melaksanakan prosedur Pos Kawalan (Command Post) dan prosedur pengungsian bangunan. Mengaktifkan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) untuk berkumpul di Pos Kawalan lengkap dengan pengenalan diri dan PPE yang disediakan. Komander Kecemasan juga perlu menjalankan siasatan dan menilai situasi semasa kemalangan serta menghubungi Bahagian Keselamatan UM, Jabatan Harta Benda (JHB) dan OSHEC bagi memaklumkan situasi kemalangan.

(3) Pencatat Kejadian / Historian

Pencatat Kejadian berperanan sebagai pembantu Komander Kecemasan, bertindak semasa kecemasan dengan mencatatkan kronologi kecemasan (dari mula hingga keadaan pulih seperti sediakala) serta sentiasa berada bersama Komander Kecemasan di dalam bilik kawalan kecemasan.

(4) Pegawai Pengungsian

Pegawai Pengungsian Bangunan bertanggungjawab ke atas keselamatan penghuni tempat kerja secara menyeluruh, menyelaraskan semua prosedur yang berkaitan dengan pengungsian bangunan dibantu oleh Ketua Tingkat dan Pasukan Perubatan serta menyampaikan maklumat tersebut kepada pengurus kecemasan.

(5) Ketua Tingkat

Bertanggungjawab terhadap pengungsian penghuni daripada tingkat apabila loceng amaran dibunyikan. Ketua Tingkat hendaklah memastikan senarai nama penghuni tingkat perlu dikemaskini setiap masa, membuat pemeriksaan terakhir dan memaklumkan bilik kawalan sebelum meninggalkan tingkat. Selain itu, Ketua Tingkat haruslah membuat panggilan senarai nama di tempat berkumpul dan melaporkan kepada pegawai pengungsian setelah memeriksa senarai nama.

(6) Pasukan Perubatan

Pasukan Perubatan berperanan memberi bantuan perubatan awal kepada mangsa sebelum ambulan tiba, mempunyai kelengkapan asas dan sudah menjalani latihan dalam merawat mangsa. Pasukan Perubatan juga menentukan tempat sesuai untuk merawat mangsa di tempat berkumpul dan sentiasa berhubung dengan Pegawai Pengungsian

(7) Pegawai Insiden

Bertanggungjawab untuk mengurus dan mengawal semua kejadian kecemasan. Mengarahkan pasukan pemadam, pasukan mencari dan menyelamatkan. Menjalankan tugas pemadaman dan menyelamatkan mangsa pada peringkat awal kecemasan. Memantau dan mendapatkan maklumat mengenai kecemasan dari pasukan pemadaman dan pasukan mencari dan menyelamatkan dari masa kesemasa. Mengarahkan pasukan pemadam meninggalkan tempat kecemasan sekiranya tidak dapat dikawal dan mengancam keselamatan diri. Menyerahkan tugas kepada pihak bomba bila pasukan bomba tiba.

(8) Pasukan Pemadaman dan SAR

Sebelum Latihan / Kecemasan : Memastikan keperluan peralatan menentang kebakaran sentiasa berada dalam keadaan baik. Mahir dan terlatih dalam mengendalikan peralatan menentang kebakaran.

Semasa Latihan / Kecemasan : Berkumpul dibilik kawalan kecemasan dan menerima arahan terus dari pegawai insiden. Memakai pakaian lengkap operasi (jaket, helmet, kasut, glove & B.A). Bekerjasama dengan pasukan mencari dan menyelamatkan. Sentiasa berhubung dengan pegawai insiden untuk

dapatkan maklumat semasa. Ambil langkah berjaga-jaga jika kecemasan tidak dapat dikawal. Serahkan tugas kepada pihak bomba bila mereka tiba.

(9) Pasukan Penyelenggara

Jurutera/penyelenggara akan berada diluar bilik kawalan untuk membantu pasukan bomba jika ada masalah elektrik atau mekanikal. Sentiasa berhubung dengan pegawai insiden.

(10) Pegawai Keselamatan

Bertanggungjawab keatas panggilan kecemasan, kawalan trafik dan orang ramai disekitar bangunan. Di bantu oleh seorang operator talipon, pasukan kawalan keselamatan dan pasukan kawalan trafik. Sentiasa berhubung dengan operator, pasukan kawalan keselamatan dan kawalan trafik untuk mengetahui perkembangan semasa.

(11) Pengawal Lalulintas

Pasukan ini berada disetiap jalan masuk utama ke bangunan. Bertugas memastikan lalulintas berjalan lancar dan tidak mengganggu kehadiran pasukan bomba. Serahkan tuga ini apabila pasukan polis trafik tiba.

(12) Pengawal Keselamatan

Bertanggungjawab keatas kawalan orang ramai disekitar bangunan. Menghalang orang yang tidak bertanggungjawab dari mencerobohi bangunan. Sentiasa berada disetiap pintu keluar masuk bangunan. Membantu menunjuk arah kepada penghuni bangunan untuk ketempat berkumpul. Membantu pasukan bomba mencari punca air.

(13) Operator

Seorang operator telepon perlu bagi urusan komunikasi. Ia berada didalam bilik kawalan kecemasan. Bertugas menghubungi jabatan yang berkaitan semasa berlaku kecemasan (Bomba, polis dan ambulan.) Bertanggungjawab menghubungi pegawai atasan / pengurus bangunan. Bertanggungjawab menjawab sebarang pertanyaan dari orang ramai melalui panggilan telepon

(14) Pusat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHEC)

OSHEC bertanggungjawab mengkoordinasi persiapan, pelaksanaan dan penilaian kesediaan ERP yang dibangunkan, termasuk latihan, peralatan, prosedur dan seumpamanya bagi memastikan ERP dilaksanakan dengan berkesan semasa kecemasan. Membangun dan menyelaraskan sumber-sumber kepakaran dan penasihatn bagi menjalankan kerja-kerja menyelamatkan dan penyiasatan seperti yang ditetapkan oleh Akta KKP 1994, termasuk menjalankan penyiasatan.

(15) Bahagian Keselamatan UM

Bahagian Keselamatan UM sebagai Pusat Kawalan Kecemasan UM adalah bertanggungjawab untuk menyelaras secara keseluruhannya terhadap operasi sewaktu kecemasan UM, termasuk mendapatkan bantuan kecemasan dari pihak luar, mewujudkan sistem perhubungan, kawalan dan seumpamanya.

(16) Jabatan Harta Benda (JHB)

Jabatan Harta Benda (JHB) akan menyediakan dan mengurus aspek-aspek bantuan teknikal dan penyelenggaraan fizikal semasa kerja-kerja menyelamatkan, menjalankan kerja-kerja membaikpulih dan mengembalikan operasi kritikal tempat kerja, menilai kerosakan serta pengangkutan.

(17) Klinik Kesihatan UM

Menyediakan dan mengurus rawatan kecemasan kepada mangsa kemalangan.

(18) Pusat Komunikasi Korporat (CCC)

Menyedia dan mengawal kenyataan media untuk maklumat awam.

(19) Bahagian Kaunseling & Pemerksaan OKU (CCDE)

Memberi khidmat kaunseling kepada mangsa, rakan atau keluarga mangsa kemalangan.

(20) PTj yang lain

Memberi bantuan dan kepakaran kecemasan, jika diperlukan.

6. PROSEDUR PENGUNGSIAN BANGUNAN DAN TINDAKAN MENYELAMAT UMUM

(1) PENGUNGSIAN BANGUNAN

Setiap kecemasan yang berupaya untuk merebak dan mengancam keselamatan penghuni bangunan (iaitu tahap kecemasan II, III dan IV), terutamanya kebakaran perlu diambil tindakan pengungsian bangunan. Pengungsian bangunan hendaklah dijalankan dengan segera di bangunan-bangunan UM seperti yang dirancang dan ditetapkan. Menyelamatkan nyawa adalah lebih diutamakan dari menyelamatkan harta benda.

(a) Tindakan Mereka/Penghuni sekiranya Ternampak Kebakaran/Kecemasan di Bangunan

- (i) Pecahkan kotak kaca yang berdekatan untuk membunyikan loceng kecemasan dan berteriak "Jenis Kecemasan".
- (ii) Hubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat, Bahagian Keselamatan dan Pasukan Tindakan Kecemasan
- (iii) Maklumkan kepada Penyelia, Ketua PTj, petugas, rakan berdekatan dan seumpamanya serta Pasukan Tindakan Kecemasan PTj (jika berkenaan) untuk tindakan menyelamatkan awal.
- (iv) Jika kecemasan masih terhad, cuba bendungkan kecemasan tersebut dengan menggunakan segala sumber dan peralatan sedia ada yang bersesuaian mengatasi keadaan jangan ragu-ragu dan cemas.
- (v) Jika ternampak mangsa kecemasan, selamatkannya jika tidak membahayakan diri anda.
- (vi) Keluarkan dari bangunan dan laporkan diri di tempat berhimpun (*Assembly Area*).

(b) Tindakan Mereka/Penghuni yang Mendengar Amaran Pengungsian Bangunan

- (i) Maklumkan rakan yang sedang bertugas.
- (ii) Keluar dari bangunan mengikut pintu yang paling dekat dan selamatkan diri dengan seberapa cepat yang boleh.
- (iii) Laporkan diri di tempat berhimpun dan pastikan nama anda dipanggil semasa pembarisan.
- (iv) Semasa mengungsikan bangunan tidak dibenarkan:
 - Menggunakan lif
 - Berhenti atau berpatah balik untuk mengambil barang-barang
 - Pintas memintas atau tolak menolak
 - Bergurau senda atau melawak
- (v) Jika terdapat penghuni yang sakit, cedera atau cacat, bantu mereka untuk keluar dari bangunan.
- (vi) Hanya selepas bangunan disahkan selamat oleh Komander Kecemasan, barulah anda boleh masuk semula ke dalam bangunan dengan teratur.

(c) Peranan Pegawai Pengungsian Bangunan PTj

- (i) Sebagai tanda pengenalan/pengecaman, Pegawai Pengungsian Bangunan hendaklah memakai topi yang berwarna hitam dan bertulis (Evacuation Controller).
- (ii) Bertanggungjawab kepada semua penghuni semasa pengungsian bangunan sehingga telah dipastikan keadaan bangunan selamat untuk dihuni semula atau sehingga tanggungjawab tersebut diambilalih oleh pegawai pasukan perkhidmatan sama ada yang berkaitan kebakaran atau lain-lain kecemasan.
- (iii) Bekerjasama dengan lain-lain pegawai semasa pengungsian bangunan.
- (iv) Menasihati perkhidmatan kecemasan, jika perlu.
- (v) Memastikan bantuan pertolongan cemas pertama diberikan, jika perlu.

(d) Peranan Ketua-ketua Tingkat PTj

- (vi) Sebagai tanda pengenalan/pengecaman, Ketua-ketua Tingkat hendaklah memakai topi yang berwarna kuning dan bertulis (Floor Manager).
- (i) Menjaga senarai nama penghuni tingkat masing-masing dan membawa senarai tersebut bersama-sama semasa pengungsian bangunan.
- (ii) Memastikan semua penghuni tingkat masing-masing telah keluar dari bangunan, termasuk yang berada dalam tandas, bilik rehat dan seumpamanya semasa pengungsian.
- (iii) Meninjau kawasan tingkat masing-masing bagi menentukan penghuni yang malang, hilang keupayaan, sakit dan seumpamanya. Seterusnya melaporkan kepada Pegawai Pengungsian Bangunan atau Penolongnya bagi tindakan selanjutnya.
- (iv) Memastikan penghuni-penghuni yang mengungsikan bangunan menggunakan jalan keluar yang sesuai.

7. PEMBERITAHUAN KECEMASAN


Sebarang kecemasan yang berlaku di UM hendaklah dilaporkan secara terus ke Bahagian Keselamatan UM yang beroperasi 24 jam dan berfungsi untuk mengkoordinasi dan menyelaraskan Pasukan Tindakan Kecemasan UM, termasuk menghubungi pasukan tindakan kecemasan agensi luar.

Nombor telefon kecemasan bagi kampus UM dan FAB adalah seperti berikut:

Jabatan	No. Telefon
Bahagian Keselamatan UM (Kaunter 24 Jam)	03-7967 3470/03-7967 7777
Klinik Kesihatan	03-7967 3544/6444
Pusat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHEC)	03-7967 6597
Pejabat Dekan FAB	03-7967 5395
Penolong Jurutera FAB	03-7967 5374

8. PELAN LAYOUT BANGUNAN

Bangunan-bangunan yang berada di dalam kawasan PTj seperti contoh di lampiran dibawah harus ditandakan 'Tempat Berkumpul'.




9. PELAN LALUAN KECEMASAN

Pelan Laluan Kecemasan ke Tempat Berkumpul serta lokasi berkumpul PTj.


**TEMPAT
BERKUMPUL**

PETUNJUK

-  Laluan Kecemasan
-  HCS / Salur Bantu Mula
-  Penggera - Kaca Pecah
-  Pemadam Api (Debu Kering)
-  Pemadam Api (CO2)
-  Arah Keluar Semasa Kecemasan
-  Tangga Kecemasan



**TEMPAT
BERKUMPUL**




Jangan Guna Lif Semasa Kebakaran. Gunakan Tangga.
In Case of Fire Do Not Use Lift Use Stairways






Jangan Guna Lif Semasa Kebakaran. Gunakan Tangga.
In Case of Fire Do Not Use Lift Use Stairways



Jangan Guna Lif Semasa Kebakaran. Gunakan Tangga.
In Case of Fire Do Not Use Lift Use Stairways




TEMPAT BERKUMPUL SEMASA KECEMASAN

PETUNJUK LEGEND

- Laluan Kecemasan
Emergency Route
- Arah Keluar Semasa Kecemasan
Emergency Exit Direction
- Penggera - Kaca Pecah
Fire Alarm - Break Glass
- Tangga Kecemasan
Emergency Stairway
- Gegulung Hos
Hose Reel
- Alat Pemadam Api (Co2)
Fire Extinguisher (Co2)
- Alat Pemadam Api (Debu Kering)
Fire Extinguisher (Dry Powder)

Jangan Guna Lif Semasa Kebakaran. Gunakan Tangga.
In Case of Fire Do Not Use Lift Use Stairways




TEMPAT BERKUMPUL SEMASA KECEMASAN

PETUNJUK LEGEND

- Laluan Kecemasan
Emergency Route
- Arah Keluar Semasa Kecemasan
Emergency Exit Direction
- Penggera - Kaca Pecah
Fire Alarm - Break Glass
- Tangga Kecemasan
Emergency Stairway
- Gegulung Hos
Hose Reel
- Alat Pemadam Api (Co2)
Fire Extinguisher (Co2)
- Alat Pemadam Api (Debu Kering)
Fire Extinguisher (Dry Powder)

Jangan Guna Lif Semasa Kebakaran. Gunakan Tangga.
In Case of Fire Do Not Use Lift Use Stairways






TEMPAT BERKUMPUL SEMASA KECEMASAN

TEMPAT BERKUMPUL SEMASA KECEMASAN

PETUNJUK LEGEND

- Laluan Kecemasan
Emergency Route
- Gegulung Hos
Hose Reel
- Penggera - Kaca Pecah
Fire Alarm - Break Glass
- Alat Pemadam Api (Debu Kering)
Fire Extinguisher (Dry Powder)
- Alat Pemadam Api (Co2)
Fire Extinguisher (Co2)
- Arah Keluar Semasa Kecemasan
Emergency Exit Direction
- Tangga Kecemasan
Emergency Stairway

Jangan Guna Lif Semasa Kebakaran. Gunakan Tangga.
In Case of Fire Do Not Use Lift Use Stairways



TEMPAT BERKUMPUL SEMASA KECEMASAN


TEMPAT BERKUMPUL SEMASA KECEMASAN

PETUNJUK LEGEND

- Laluan Kecemasan
Emergency Route
- Gegulung Hos
Hose Reel
- Penggera - Kaca Pecah
Fire Alarm - Break Glass
- Alat Pemadam Api (Debu Kering)
Fire Extinguisher (Dry Powder)
- Alat Pemadam Api (Co2)
Fire Extinguisher (Co2)
- Arah Keluar Semasa Kecemasan
Emergency Exit Direction
- Tangga Kecemasan
Emergency Stairway

Jangan Guna Lif Semasa Kebakaran. Gunakan Tangga.
In Case of Fire Do Not Use Lift Use Stairways






TEMPAT BERKUMPUL

TEMPAT BERKUMPUL

PETUNJUK

- Laluan kecemasan
- Hos / Salur Bantuan Mula
- Penggera - Kaca Pecah
- Pemadam Api (Debu Kering)
- Pemadam Api (Co2)
- Arah Keluar Semasa Kecemasan
- Tangga Kecemasan



TEMPAT BERKUMPUL SEMASA KECEMASAN

TEMPAT BERKUMPUL SEMASA KECEMASAN

PETUNJUK LEGEND

- Laluan Kecemasan Emergency Route
- Gegulung Hos Hose Reel
- Penggera - Kaca Pecah Fire Alarm - Break Glass
- Alat Pemadam Api (Debu Kering) Fire Extinguisher (Dry Powder)
- Alat Pemadam Api (Co2) Fire Extinguisher (Co2)
- Arah Keluar Semasa Kecemasan Emergency Exit Direction
- Tangga Kecemasan Emergency Stairway

Jangan Guna Lif Semasa Kebakaran. Gunakan Tangga.
In Case of Fire Do Not Use Lift Use Stairways

10. PENUTUP

Diharapkan ERP ini dapat menyedia bantuan kecemasan awal yang sebaik mungkin sebelum bantuan selanjutnya diperolehi daripada pasukan kecemasan agensi luar bagi menangani kecemasan yang berlaku di PTj UM.


11. PENGESAHAN

Ditandatangani oleh Ketua PTj . Perkara ini penting dalam memastikan ketua PTj mengetahui secara rasmi peranan dan tanggungjawab berkaitan dengan ERP.

Perkara ini penting untuk memastikan ERP yang dibangunkan oleh PTj digunakan dengan komprehensif

**CARTA ORGANISASI PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN (ERP)
FAKULTI ALAM BINA 2025/2026**

LAMPIRAN 1



PASUKAN PELAN TINDAKAN KECEMASAN FAB UM

Bil.	Jawatan	Nama
1.	Komander Kecemasan	Profesor Sr Ts. Dr. Azlan Shah Ali
2.	Komander Lapangan	Prof. Madya Sr. Ts. Dr Farid Wajdi Akashah
3.	Timbalan Komander Kecemasan	Prof. Madya Sr Dr. Norhayati Mahyuddin
4.	Pencatat Kejadian/Setiausaha	Encik Mohd Faiz Azmi
5.	Penolong Setiausaha	Encik Muhammad Afiq Jasmuri
6.	Pegawai Pengungsian (<i>Floor Manager</i>)	Ar. Dr. Mohd Firrdhaus Mohd Sahabuddin
7.	Timbalan Pegawai Pengungsian (<i>Floor Manager</i>)	Dr. Teh Bor Tsong
8.	Ketua Tingkat (<i>Floor Warder</i>) (1) Bangunan Utama (Blok Mercu)	Ketua : Dr. Nurdiyana Zainal Abidin Aras Bawah : Encik Zariman Zainal Abidin Aras 1 : Pn. Jayasutha A/P Kamrajoo & Encik Fadzil Hafni Aras 2 : Pn. Nor'aidah Mohd Ibrahim & Pn. Norlina Mohamad Istar Aras Aras 3 : Dr. Muhammad Hadi Mustafa & Dr. Nik Hazwani Hashim Aras 4 : Sr Abdul Ghani Sarip & Dr. Noor Hashimah Hashim Lim Aras 5 : Dr. Liyana binti Hasnan & Dr. Mohd Hafizal Mohd Isa Aras 6 : En Amir Muqri Wahab & Pn. Siti Nur Zafirah Aras 7 : Sr Dr. Umi Kalsum Zolkafli @Zulkifly & Dr. Nurshafarina Jasme Aras 8 : Cik Siti Mawadah Mohd Shakir & Puan Nor Zahian Hanafi Aras 9 : Dr. Zairul Nisham Musa & Sr Zulkifli Esha Aras 10 : Prof. Madya Sr Dr. Othman Mohamed & Sr Imran Ariff Yahya
	(2) Bangunan Blok Ukur	Puan Nur Shuhada Hilal Puan Nurulfazila Mohd Sajuti
9.	Pasukan Perubatan	Pn. Zarina Mohd Yunus En. Muhammad Kamalrul Ariffin Mohd Shariffuddin En. Jefri Bin Awaluddin
10.	Pasukan Pemadam dan Mencari dan Penyelamat	Cik Maisarah Rosman Pn. Khatijah Abdul Kadir

	(1) Pasukan Mencari dan Menyelamat (SAR)	Encik Mohd. Azren Misnan Encik Annuar Ja'afar
	(2) Pasukan Pemadam Kebakaran	Encik Mohammad Rentah Encik Mohd Shezul Shaheen Mohd Adnan Encik Muhammad Azli Ab. Aziz En. Muhammad Daim Zuhair Che Mat En Ahmad Isyraf Bin Jamil
11.	Pasukan Dekontaminasi	Puan Nurfadhillah Binti Amir Hamzah Puan Norlina Mohamad Istar
12.	Logistik	Encik Imaduddin Abdul Halim (Ketua) Encik Norhisham Mohamed Halim Puan Noor Hafizah Abdullah
13.	Operator Komunikasi	Sr Dr. Zafirah Al Sadat Zyed (Ketua) Puan Anis Syafiqah Ahmad Syukri Puan Siti Norzana Mohd Saleh